

26 MAR 2002

Mahathir-FDI/I

MAKSUD FDI PERLU DIPERJELAS, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata tanggapan bahawa pelaburan langsung asing (FDI) bermaksud aliran masuk modal perlu diperjelas kerana selalunya ia melibatkan aliran keluar modal.

"FDI tidak semestinya mengenai membawa masuk modal. Selalunya modal dipinjam di dalam negara dan digunakan untuk membayar jentera yang diimport dan sebagainya, menyebabkan aliran keluar modal, bukan aliran masuk," katanya.

Ketika merasmikan Persidangan Pasaran Modal Islam Antarabangsa di sini, Dr Mahathir berkata pelaburan asing mungkin tidak akan dibuat sekiranya pinjaman di dalam negara tidak dibenarkan.

Oleh itu, katanya, Malaysia mesti memastikan keseluruhan sistem kewangannya lebih berdaya pegas dan menyokong rangka kerja yang lebih bertenaga agar negara ini boleh menyerap kejutan masa depan yang timbul akibat pasaran kewangan antarabangsa yang belum dikawal selia.

"Adalah penting pasaran modal mengagih dana yang ada dengan cekap bagi menjanakan lagi pertumbuhan dan memastikan yang kita tidak terlalu bergantung kepada modal asing walaupun kita menyambut baik modal jangka panjang dengan tangan terbuka," katanya.

Beliau juga berkata Malaysia telah banyak belajar daripada krisis matawang Asia, termasuk ketamakan para pedagang matawang, aliran portfolio yang kerap berubah-ubah dan "kredibiliti dan profesionalisme" mereka yang dipanggil penganalisis dan pakar ekonomi.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata: "Yang lebih penting, kita belajar tentang keperitan yang disebabkan oleh globalisasi yang tidak dikawal dan liberalisasi yang tidak dipantau ke atas ekonomi sedang membangun.

"Kita belajar tentang pentingnya melengkapkan diri kita sendiri, institusi kita, usaha niaga kita dan ekonomi kita dengan pengetahuan dan kemahiran dan kekuatan dalaman bagi menangani gelombang globalisasi.

"Kita belajar bahawa bagi ekonomi sedang membangun, kedaulatan politik tanpa kedaulatan ekonomi tidak dapat memastikan kemerdekaan sebenar negara kita."

Sambil mengingatkan bahawa penganjur globalisasi mempunyai kepentingan untuk memperoleh sesuatu, Dr Mahathir berkata Malaysia akan memastikan negara ini menggunakan pengajaran yang didapati, khususnya daripada manipulasi matawang.

-- BERNAMA

MAD FR JR NMO